

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



## **Cerpen – Jiran**

*Ditulis oleh: Nur Jannah Azman*

“Good morning, Mimi.”, sapa Emeline pada aku.

Tegurannya itu ku sambut dengan senyuman dan pertanyaan juga.

“Sudah sarapan atau belum, Emeline? Masak apa hari ini?” tanyaku.

“Belum lagi, planning mau masak nasi lemak,” jawabnya sambil tersenyum.

Keluar sahaja dari rumah untuk rutin mingguan iaitu berjoging, akan kelihatan Ah Siew dan Emeline Yau yang tinggal selang serumah denganku sibuk melayan cucunya Evelia. Emeline sememangnya nenek yang ceria, cergas dan ramah tamah dengan jiran tetangga yang kebiasaannya sudah ada di halaman rumah seawal 7 pagi. Emeline yang sentiasa tersenyum itu akan menyapa sesiapa sahaja yang melewati depan rumahnya tidak kira usia, bangsa dan jantina, terutamanya yang rajin bersenam pada waktu pagi. Maka tidak hairan sekiranya jiran tetangga sangat mesra dengannya. Laluan di hadapan rumah bersebelahan dengan pusat rekreasi gunung Tampin menjadikan lokasi kami sangat digemari oleh penggiat sukan lasak yang terdiri daripada warga sekitar Tampin dan luar yang gemar beriadah tidak kira umur. Emeline yang umurnya melebihi setengah

abad itu masih cergas ke sana ke sini sambil menuntun cucunya yang baru 'mendapat kaki'. Kadang kala kelihatan dia membonceng cucunya menggunakan basikal dengan tempat duduk bayi di belakangnya. Walaupun sudah berpangkat nenek, namun aku lebih senang berbual dengan panggilan namanya sahaja kerana penampilannya yang nampak muda dan cergas serta tidak kelihatan seperti wanita lain yang seusia dengannya.

Evelia tinggal bersama dengan nenek dan datuknya sementelah ibunya bekerja di Singapura dan menjawat jawatan sebagai pegawai teknologi maklumat di salah sebuah syarikat swasta di sana. Maka tidak hairanlah, cucunya memang kelihatan sangat rapat dengan kedua nenek dan datuknya. Sambil melayan cucu, kadang kala Emeline berjoging sekitar taman. Suaminya Ah Siew pula akan membantu menyiram pokok bunga dan menyapu sampah. Sememangnya pasangan itu sangat ringan tulang. Ah Siew juga kelihatan tegap jika hendak dilihatkan pada usianya. Mungkin juga kerana amalan pemakanan mereka yang 'vegetarian' membuatkan mereka kelihatan sihat. Ameline juga sering meminta izin dariku untuk memetik ulam-ulaman yang ditanam belakang rumah seperti pegaga, ulam raja, bayam brazil, pucuk kaduk dan daun kesum. Emeline juga rajin berbual dengan sesiapa sahaja yang menyapanya. Anehnya, dia hanya

menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris ketika berbual walaupun dia berbangsa Cina.

“Good morning, hari ni tak bawa anak jalan-jalan?’ sapa Uncle Douglas yang sedang bersantai di halaman rumahnya sambil menghisap rokok.

“Baby masih tidur, Uncle”, jawabku jujur sambil tersenyum.

Sememangnya aku gemar membawa anakku menggunakan kereta sorong bayi sekali sekala untuk mengambil angin pagi. Uncle Douglas yang kelihatan garang dengan kepala botak, bertatu di seluruh badan dan sering tidak berbaju yang pada mulanya ku sangka ‘along’ sebenarnya sangat mesra dengan jiran-jirannya. Pernah sekali dia menyapa aku dengan mempelawa aku memetik daun limau purut di depan rumahnya. Semenjak itu, aku semakin mesra dengannya dan akan membunyikan hon kenderaan jika bertembung dengannya. Katanya, rumah yang didudukinya bersama isteri itu adalah milik anaknya yang bekerja di Kuala Lumpur. Maka, tidak hairanlah jika kawasan rumahnya kosong dan akan hanya dipenuhi kenderaan anak-anaknya apabila pulang di hujung minggu atau hari perayaan serta cuti umum.

Rumah di penghujung jalan utama dihuni oleh seorang lagi warga tua iaitu Aunty Mala bersama anak dan cucunya yang berbangsa

India. Aunty Mala yang jalannya sedikit berdengkot kerana lututnya yang sakit mempunyai hobi memasak dan menjahit. Aunty Mala menjadikan kawasan luar belakang rumahnya sebagai dapur basah yang sering berbual dengan aku yang melewati belakang rumahnya ketika berjoging. Bau masakan daripada dapur Aunty Mala sememangnya harum semerbak menjadikan aku tidak silu untuk menuntut resipi daripadanya. Sambil tersengih dengan giginya yang kuning beserta siri yang tersentil di pipinya adalah perawakan Aunty Mala yang tidak pernah lokek dengan senyuman. Kari kambing, vadai, rasom, dan kuah dhal yang pernah aku masak di rumah adalah hasil resipi Aunty Mala.

“Sudah boleh bikin tosai untuk Hari Raya nanti. Jangan lupa jemput sama Aunty ok.” Aunty Mala mengingatkan aku. Bukannya tidak boleh diGoogle sahaja resipi-resipi itu, tetapi hasil sebenar dan resipi turun temurun orang lama adalah lebih enak dan memberi kepuasan.

Suasana kejiranan yang aku rasai hanya dengan berjoging santai di kawasan perumahan sangat menggembirakan. Pemandangan ini mungkin dilihat sangat biasa bagi sesetengah orang namun amat bermakna bagi aku. Setelah pandemik Covid-19 melanda negara tiga tahun setengah yang lalu, terdapat banyak perkara yang berubah .

Emeline yang menghidap kanser limfoma pada awal pandemik melanda yang ku sangka akan sembuh kerana penyakitnya itu berada pada Tahap 1 ketika didiagnos, telah meninggal dunia pada awal Februari tahun 2021. Kali terakhir aku lihat dan berbual dengannya adalah ketika dia dipapah oleh suami dengan bantuan tongkat berusaha untuk berjalan dan mengambil angin di luar rumah. Walaupun dalam suasana PKP, aku memberanikan diri aku untuk bertanya khabar ketika dia melewati kawasan halaman rumah. Keadaannya ketika itu yang kurus kering, berambut pendek dan jarang-jarang, kesan daripada rawatan kimoterapi yang dilaluinya sangat meruntun perasaan aku. Kanser yang dialaminya sememangnya mengubah fizikalnya sekelip mata. Berita pemergiannya juga diketahui melalui pengumuman suaminya melalui kumpulan aplikasi "Whatsup" yang diwujudkan sekian dulu. Perasaan sedih kerana tidak sempat berbual lama dan melawatnya kerana kekangan oleh PKP di seluruh negara membuatkan aku ralat dan sedih kerana kehilangan jiran yang begitu baik. Cucunya Evelia juga telah dibawa oleh ibu bapanya tinggal bersama mereka di Singapura. Kelihatan sekali sekala Ah Siew, suaminya yang tinggal berseorangan duduk bersantai di halaman rumahnya, mungkin hanya menunggu masa untuk mengikut anaknya tinggal di Singapura apabila tiba masanya.

Uncle Douglas bersama isteri yang didiagnos sakit buah pinggang telah berpindah mengikut anaknya yang bermastautin di Kuala Lumpur. Kawasan rumahnya yang sudah tidak berpenghuni itu juga kelihatan sedikit semak dan agak gelap pada waktu malam. Aunty Mala pula sudah tidak lagi kelihatan di sekitar halaman rumahnya. Menurut anaknya, ibunya itu mengalami sakit lutut kronik dan hanya mampu bergerak dengan kerusi roda.

Keadaan sunyi sepi dan perbezaan suasana akibat pandemik Covid 19 telah banyak merubah suasana fizikal, emosi dan jiwa masyarakat, sekaligus menjadikan aku lebih menghayati sifat muhibah rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa dan agama. Kepelbagaian budaya dan kebersamaan dalam kesepakatan melalui semangat kejiranan menjadikan aku lebih menghargai nilai kerukunan jiran tetangga. Sesungguhnya wabak yang melanda pada 2021 sangat menginsafkan dan membuatkan aku menghargai setiap inci nikmat umur yang Tuhan kurniakan.